

# Melayu boleh hilang hak, kata Mahathir

BH 05 NOV 1989

JITRA, Jumaat — Orang Melayu akan kehilangan hak dan kuasa memerintah negara ini sekiranya perpecahan sekarang tidak dibendung, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil melahirkan kebimbangannya, Perdana Menteri berkata: "Kalau kita tidak memberi perhatian yang berat dalam politik, mungkin sesuatu yang merugikan orang Melayu akan berlaku."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau khuatir sekiranya orang Melayu terus berpecah-belah, peristiwa kekalahan Umno di Kelantan pada 1959 mungkin berlaku lagi dalam pilihanraya umum akan datang pada 1990 atau 1991, tetapi kali ini ke atas seluruh negara.

"Pada 1959, Kelantan jatuh akibat perpecahan, sikap sombong wakil rakyat Umno serta perebutan jawatan Menteri Besar.

"Sekarang ini, kita berpecah kerana ada yang tidak dapat jadi Perdana Menteri," katanya ketika merasmikan kursus kepimpinan wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap orang Melayu mencontohi semangat rakyat ketika menentang Malayan Union.

"Pada masa itu, orang Melayu sedar kalau ada perpecahan British akan ambil negara ini dan memberinya kepada orang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, ahli Umno perlu memahami

perjuangan parti, bukan menyertai Umno kerana terikut-ikut dengan orang lain atau hendak sokong pemimpin tertentu.

"Penyertaan secara begini kadang-kadang menyebabkan kita mudah terpengaruh dengan pendapat orang lain dan sokongan kita terhadap parti lemah kerana kita keliru," katanya.

Menurutnya, Umno sebenarnya bukan milik sesiapa dan perjuangan parti juga bukan untuk pemimpin tertentu.

"Sebaliknya, pemimpin yang diberi gelaran Perdana Menteri atau sebagainya hanya menjadi alat atau pesuruh untuk melaksanakan tugas bagi memperjuangkan cita-cita orang Melayu yang semuanya beragama Islam dan memperjuangkan Islam.

"Tetapi, kita mesti ada seorang pemimpin di depan. Kalau ada 100 orang di depan tidak bolehlah kita buat kerja kerana pendapat masing-masing berlainan," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pemimpin tidak boleh menjalankan tugas jika tidak mendapat sokongan orang ramai.

Oleh itu, katanya, ahli Umno, termasuk Pergerakan Wanita, bertanggungjawab menarik seberapa ramai orang Melayu menganggotai parti bagi memastikan perjuangan parti tercapai.

Perdana Menteri berkata, Wanita Umno juga penting dan mesti cergas kerana separuh pengundi terdiri daripada kaum wanita.